

## PENGIHJRAHAN MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM

### *Human Migration from the Islamic Perspective*

<sup>1</sup>Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, <sup>2</sup>Ibnor Azli Ibrahim & <sup>3</sup>Noor Afiqah Athirah Hajimin  
mnhidayath\_h@yahoo.com, iabi@gmail.com & naathirah.h@gmail.com

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah, UMS

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

<sup>3</sup>Open University Malaysia, OUM

### ABSTRAK

Penghijrahan manusia hakikatnya telah berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Penghijrahan dalam Islam bukan sahaja berbentuk lahiriah iaitu perpindahan fizikal dari satu negara ke negara yang lain, namun disertai dengan perpindahan batiniah iaitu dilakukan kerana Allah SWT dan rasul-Nya serta beralih daripada sifat-sifat tercela kepada sifat-sifat terpuji. Seiring dengan peredaran zaman, bentuk dan matlamat penghijrahan manusia turut berubah. Penghijrahan kini dominan berlaku atas faktor mempertingkatkan taraf ekonomi individu, keluarga dan negara. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengetengahkan semula hukum-hukum penghijrahan dari sisi pandang Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen. Kajian mendapati bahawa hukum penghijrahan terbahagi kepada wajib, sunat, harus dan haram. Hukum tersebut berbeza mengikut tempat dan kondisi yang berlaku. Penghijrahan juga merupakan satu ibadah kepada Allah yang perlu dilaksanakan dengan ikhlas kepada-Nya. Hukum-hukum tersebut terpakai sehingga ke hari kiamat. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan agar aktiviti penghijrahan tidak berpaksikan kepada tuntutan lahiriah semata-mata tetapi disertai dengan tuntutan batiniah.

**Kata Kunci:** Penghijrahan manusia, perspektif Islam.

### **ABSTRACT**

*The fact of human migration has already occurred in the period of Nabi Muhammad SAW. Migration in Islam is not just a physical movement from one country to another, it is accompanied by a spiritual act done because of Allah SWT and his messenger, improving from the bad to the good values. As time passes by, the method and migration goals also changed. Migration is now a dominant factor which enhances the economic status of individuals, families and nations. Therefore, this study aims to highlight the original rulings of migration from the perspective of Islam. This study is a qualitative study using document analysis approach. The study found that laws of migration are divided into obligatory, encouraged, permitted and forbidden. The variations of the laws are depending on the differences of the place and its conditions. Migration is also the worship of Allah that should be conducted out in good faith in Him. The laws are applied until the day of resurrection. Thus, this study is expected to be a guideline to the migration activities which is not based on physical need alone but aligned with a spiritual need.*

**Keywords:** *Human migration, Islamic perspective.*

## **1.0 PENGENALAN**

Penghijrahan manusia hakikatnya telah berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Penghijrahan dalam Islam bukan sahaja berbentuk lahiriah iaitu perpindahan fizikal dari satu negara ke negara yang lain, akan tetapi disertai dengan perpindahan batiniah iaitu dilakukan kerana Allah SWT dan rasul-Nya serta beralih daripada sifat-sifat tercela kepada sifat-sifat terpuji. Bagaimanapun, seiring dengan peredaran zaman, tujuan dan matlamat penghijrahan manusia turut berubah. Penghijrahan kini dominan berlaku atas faktor mempertingkatkan taraf ekonomi individu, keluarga dan negara. Kecenderungan individu berhijrah dari sebuah negara ke negara lain sama ada untuk bekerja, belajar, berniaga dan lain-lain lagi hendaklah selari dengan roh Islam. Setiap perbuatan dan amalan seharusnya dilakukan sebagai satu ibadah agar individu tersebut tidak hanya mendapat manfaat lahiriah tetapi batiniah.

## **2.0 DEFINISI PENGHIJRAHAN (*AL-HIJRAH*)**

Penghijrahan dalam bahasa Arab disebut sebagai al-Hijrah (الهجرة). Ia berasal dari perkataan هجر yang bermaksud seseorang memutuskan, meninggalkan, mencegah, menghalang atau memulaukan sesuatu (Ibn Manzur, t.th; al-Mu'tamad, 2000). Dari perkataan هجر juga, terbit perkataan هاجر dan مهاجرة yang bermaksud berpindah. Oleh itu, al-hijrah didefinisikan sebagai seseorang yang meninggalkan atau berpindah dari sebuah tempat ke tempat lain (al-Juhari, t.th) atau dari sebuah negara ke negara yang lain (al-Fayruz Abadi, 2005) dengan tujuan untuk bermastautin (Abi al-Husayn Ahmad, t.th). Dari sudut istilah, al-hijrah membawa beberapa maksud, antaranya; perpindahan dari negara bukan Islam ke negara Islam dengan matlamat untuk mendekati diri kepada Allah (menjaga agama) (Ibn Qudamah, 1984; al-Jurjani, t.th); Perpindahan dari negara yang banyak berlakunya fitnah ke negara yang kurang fitnah (Abu Basir, t.th); Berpindah dari negara bidaah ke negara yang mengamalkan Islam selaras dengan panduan yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunah (al-Jaza'iri, 1992); Berpindah dari negara yang memberikan mudarat terhadap harta, maruah dan kesihatan (Zuhayli, 1991); Beralih daripada segala perkara-perkara mungkar kepada perkara-perkara makruf dalam rangka mendekati diri kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW (al-Jawziyyah, t.th). Dari sudut

sejarah, para ulama sepakat bahawa apabila disebut berkenaan peristiwa hijrah dalam sejarah Islam adalah merujuk kepada perpindahan Nabi Muhammad SAW bersama pengikutnya dari Mekah ke Madinah pada tahun 622 Masihi (al-Juhari, t.th).

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, sungguhpun pelbagai definisi yang diketengahkan, namun ia berlegar dalam ruang lingkup yang sama dan intipatinya menekankan unsur-unsur akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa al-hijrah itu satu perpindahan dari sebuah tempat ke tempat lain bagi menjaga *maqasid shari'ah* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta daripada sebarang bentuk pencerobohan yang mendatangkan mudarat terhadap kelima-lima elemen tersebut.

Definisi di atas juga menunjukkan perbezaan yang ketara dengan definisi penghijrahan atau migrasi dalam konteks semasa. Antaranya, migrasi didefinisikan sebagai perpindahan dari satu tempat ke tempat lain dengan tujuan menetap (Goldsheider, 1971); Perpindahan dari satu tempat ke tempat lain melepasi sempadan negeri, negara ataupun antarabangsa (Weeks, 1989) dan Perpindahan fizikal daripada satu kelompok masyarakat kepada satu kelompok masyarakat yang lain (Eisenstadt, 1953). Definisi-definisi tersebut hanya merujuk kepada perubahan fizikal sahaja dan tidak terdapat nilai-nilai agama.

### **3.0 SEJARAH DAN FAKTOR PENGHIJRAHAN RASULULLAH SAW**

Sejarah menyaksikan tiga siri penghijrahan berlaku ketika zaman awal Islam iaitu siri pertama dan kedua dari Mekah ke Habsyah, dan siri ketiga dari Mekah ke Madinah. Umat Islam berhijrah pada ketika itu ekoran tentangan hebat daripada puak Quraisy Mekah terhadap agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Tentangan mereka bukan sahaja berbentuk batiniah iaitu merasa marah dan benci terhadap Islam malah diterjemahkan secara lahiriah. Mereka melakukan pelbagai bentuk penindasan dan penyiksaan terhadap orang-orang Islam sehingga membawa kepada kematian. Tidak cukup dengan itu, orang-orang Islam juga dikekang daripada mengamalkan dan menzahirkan ajaran Islam (al-Mubarakfuri, t.th). Penyiksaan dan penindasan yang tidak mempunyai titik noktah tersebut, membawa kepada penghijrahan umat Islam ke Habsyah dan Madinah. Penghijrahan yang dilakukan bukanlah semata-mata bagi menyelamatkan

diri, akan tetapi demi menegakkan syiar Islam. Hasilnya Islam mulai berkembang bukan sahaja dari sudut jumlah penganut dan perluasan negara Islam, malah memberi impak kepada segenap bidang kehidupan sama ada politik, ekonomi, pendidikan, sosiobudaya dan sebagainya. Secara langsung penghijrahan tersebut menjadi salah satu faktor yang memacu perkembangan peradaban Islam di muka bumi ini.

#### **4.0 FENOMENA PENGHIJRAHAN MASA KINI**

Penghijrahan manusia merupakan satu fenomena yang berlaku di seluruh dunia. Ia merupakan satu fenomena yang akan terus berlaku dan tidak mempunyai tanda berhenti. Penghijrahan manusia kini dilihat dominan berlaku disebabkan faktor ekonomi. Negara-negara yang mempunyai pergerakan ekonomi yang perlahan seperti Filipina, Indonesia, Bangladesh, Nepal dan seumpamanya, menjadi faktor penolak untuk warganya berhijrah ke negara-negara yang pergerakan ekonominya pesat membangun seperti Malaysia, Singapura, Australia, Amerika dan sebagainya. Mereka berhijrah bagi memenuhi keperluan ekonomi dan menaikkan taraf hidup mereka sekeluarga. Malah penghijrahan juga menjadi satu medium yang digunakan oleh pihak pemerintah bagi membangunkan ekonomi negara. Arus penghijrahan menjadi lebih pesat apabila negara-negara maju memerlukan tenaga kerja daripada negara luar. Ia merupakan kaedah yang sangat diperlukan kerana dapat memberikan penjimatan dalam kos menggaji pekerja asing. Walaupun terdapat faktor-faktor lain yang membawa kepada penghijrahan manusia seperti menyambung pengajian, mengikuti pasangan setelah berkahwin, bencana alam, krisis politik, peperangan dan sebagainya namun faktor ekonomi adalah mendominasi.

Ini jelas menunjukkan perbezaan dengan penghijrahan yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Walaupun penghijrahan Baginda telah berlaku 1400 tahun yang lalu, namun ia bukan hanya sebuah kisah yang bertujuan menjadi iktibar dan pengajaran, namun terdapat hukum-hukum yang berjalan. Hukum-hukum tersebut tidak akan terhenti sehinggalah ke hari kiamat. Ini seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Penghijrahan tidak akan terputus selagi tidak terputus taubat dan taubat tidak akan terputus sehingga terbit matahari daripada barat”* (Riwayat Abi Dawud, *Kitab al-Jihad, Bab fi al-Hijrah hal Inqata’at*). Berdasarkan kepada nas tersebut, ulama-ulama seperti al-Albani (al-Tibi, 1994), al-Bughawi (al-Bughawi

1984), Ibn Qudamah (Ibn Qudamah 1984), Ibn al-‘Arabi (Ibn al-‘Arabi, 2002), al-Nawawi (al-Nawawi, 1991) dan al-Asqalani (al-Asqalani, 2000) menyatakan ia menjadi sandaran yang jelas bahawa hukum penghijrahan akan terus berjalan sehingga hari kiamat. Oleh itu, keghairahan manusia untuk berhijrah hendaklah diselarikan dengan garis panduan Islam. Dengan demikian, mereka tidak hanya memenuhi keperluan duniawi malah tuntutan ukhrawi.

## 5.0 HUKUM-HAKAM PENGHIJRAHAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada Rasulullah SAW tidak hanya tercakup sebagai sebuah kisah sejarah semata-mata. Ia bukan sebuah kisah yang memberikan iktibar, pengajaran dan peringatan sahaja. Namun, terkandung hukum-hakam fiqh yang menjadi panduan dalam kehidupan manusia. Ini termasuklah peristiwa penghijrahan baginda. Terdapat beberapa hukum-hakam yang dapat diambil daripada peristiwa tersebut sebagai garis panduan dalam aktiviti penghijrahan manusia. Hukum-hakam tersebut adalah:

### 5.1 Penghijrahan Wajib

Mazhab Shafie, Hambali dan Maliki menjelaskan bahawa orang-orang Islam yang berada di negara bukan Islam yang hidup dalam keadaan tidak aman dan dihalang mengamalkan serta menzahirkan kewajipan sebagai Muslim, pada masa yang sama mempunyai keupayaan untuk berhijrah, maka wajib ke atas mereka untuk berhijrah ke negara Islam (lebih utama) atau mana-mana negara yang aman dan bebas untuk mengamalkan ajaran Islam (al-Nawawi, 1996; Ibn Qudamah, 1984; Zuhayli, 1991). Sekiranya mereka tetap tinggal di negara tersebut tanpa sebarang uzur syarie, maka ia dikira berdosa (Abu Basir, t.th). Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa’ ayat 97 yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu? Mereka menjawab: Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi. Malaikat bertanya lagi: Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya? Maka orang-*

*orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali”.*

Ayat di atas mengisahkan berkenaan beberapa orang Islam yang tidak mengikuti penghijrahan umat Islam ke Madinah tanpa sebarang keuzuran. Mereka hanya tidak sanggup meninggalkan harta benda dan menghadapi kesulitan ketika berhijrah. Mereka terus menetap di Mekah dengan menyembunyikan keislaman mereka sehingga terpaksa menyertai Musyrikin Mekah menyerang orang-orang Islam dalam peperangan Badar. Dalam peperangan tersebut, mereka telah terkorban. Menurut Ibn Qudamah (1984) ayat di atas merupakan dalil kuat yang mewajibkan orang-orang Islam yang berada dalam keadaan seperti yang disebutkan di atas untuk berhijrah.

Rasulullah SAW turut bersabda yang bermaksud: *“Aku berlepas diri dari setiap Muslim yang berada bersama kaum Musyrikin”* (Abi Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab al-jihad, Bab al-nahy ‘an qatl man i‘tasama bi al-sujud). Hadis ini jelas menekankan larangan terhadap orang-orang Islam daripada berhimpun dengan orang-orang bukan Islam yang bertujuan memperbanyakkan jumlah dan membantu mereka sehingga mendatangkan mudarat terhadap Islam.

Dalam konteks yang lebih luas, Ibn al-‘Arabi (t.th) menjelaskan bahawa orang-orang Islam juga wajib berhijrah apabila berada dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. Berhijrah dari negara bidaah seperti mana Ibn al-Qasim telah berkata: *“aku mendengar Imam Malik berkata: Tidak halal bagi sesiapa yang tinggal di negara yang dicela oleh golongan salaf”*. Kata-kata ini telah disokong oleh Ibn al-‘Arabi (t.th) dengan menjelaskan kewajipan berhijrah dituntut apabila perkara-perkara bidaah tersebut tidak dapat diubah. Ini bersandarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-An‘am ayat 96 yang bermaksud: *“Dan apabila engkau melihat orang-orang yang memperkatakan dengan cara mencaci atau mengejek-ejek ayat-ayat kami, maka tinggalkanlah mereka sehingga mereka memperkatakan soal yang lain dan jika engkau dilupakan oleh syaitan (lalu engkau duduk bersama mereka), maka janganlah engkau duduk lagi bersama-sama kaum yang zalim itu, sesudah engkau mengingati (akan larangan itu)”*.

- ii. Berhijrah dari negara yang dominan melakukan perkara haram seperti riba, judi, penjualan arak, perzinaan dan seumpamanya yang tidak terkawal dan tiada peluang untuk mengubahnya. Ini jelas seperti yang telah dimaklumi bahawa mendapatkan yang halal adalah suatu kewajipan kepada umat Islam.
- iii. Berhijrah bagi mengelakkan ancaman bahaya terhadap tubuh badan sama ada dipukul, dibunuh, dipenjarakan dan sebagainya. Ini seperti mana ditunjukkan dalam situasi Nabi Ibrahim AS yang melarikan diri daripada kaumnya yang ingin membunuhnya dengan cara membakarnya. Setelah diselamatkan oleh Allah SWT, dia telah dituntut untuk berhijrah. Perkara tersebut telah digambarkan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-‘Ankabut ayat 26 yang bermaksud: *“Aku hendak berhijrah kepada Tuhanku”*.

Begitu juga firman Allah SWT dalam Surah al-Saffat ayat 99 yang bermaksud: *“Dan Nabi Ibrahim pula berkata: Aku hendak (meninggalkan kamu) pergi kepada Tuhanku, ia akan memimpinku (ke jalan yang benar)”*.

Begitu juga kisah Nabi Musa AS melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas ayat 21 yang bermaksud: *“Musa pun keluarlah dari negeri itu dalam keadaan cemas sambil memerhatikan (berita mengenai dirinya) serta berdoa dengan berkata: Wahai tuhanku, selamatkanlah aku dari kaum yang zalim”*.

- iv. Berhijrah kerana menjaga kesihatan diri dari penyakit berbahaya. Perkara ini dapat dirujuk seperti mana Rasulullah SAW memberikan keizinan kepada penggembala Madinah untuk keluar mencari tempat yang selamat sehingga keadaan Madinah pulih dari wabak penyakit. Bagaimanapun, sekiranya seseorang itu telah pun menghidapi penyakit berjangkit yang berbahaya, maka makruh baginya untuk keluar daripada tempat atau negara tersebut. Ini kerana mengelakkan daripada merebaknya penyakit tersebut sehingga mendatangkan mafsadah yang besar. Tegahan ini pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW berhubung dengan wabak taun. Baginda bersabda yang bermaksud: *“Penyakit taun adalah suatu peringatan dari Allah SWT untuk menguji hamba-hambanya dari kalangan manusia. Maka apabila kamu mendengar penyakit itu berjangkit di*



*suatu negeri, janganlah kamu masuk ke negeri itu. Dan apabila wabak itu berjangkit di negeri tempat kamu berada, jangan pula kamu lari daripadanya” (Muslim, Sahih Muslim. Kitab al-salam, Bab al-ta‘un wa al-tirah wa al-kahanah wa nahwaha).*

- v. Melarikan diri kerana pencerobohan terhadap harta. Telah dimaklumi seperti mana telah dibahaskan oleh para ulama bahawa harta seseorang Muslim adalah haram dicerobohi seperti mana haram menumpahkan darah seorang Muslim tanpa hak. Ini juga termasuklah pencerobohan terhadap ahli keluarga seseorang. Apabila pencerobohan berlaku terhadap perkara-perkara tersebut dan tidak dapat menghalangnya, maka wajib ke atas mereka untuk berhijrah.

## **5.2 Penghijrahan Sunat**

Ibn Qudamah (1984) dan al-Nawawi (1996) menjelaskan sekiranya orang-orang Islam yang hidup bebas dan mampu menzahirkan kewajipan agama di negara bukan Islam, mereka tidak diwajibkan untuk berhijrah, tetapi disunatkan. Ini seperti mana umat Islam yang bebas dan hidup aman di Amerika, Eropah, Singapura dan lain-lain lagi. Dengan berhijrah, mereka dapat membantu meningkatkan bilangan umat Islam dan bersama-sama berjihad menegakkan negara Islam. Keselamatan mereka juga lebih terjamin dan bebas dari melihat kemungkaran yang berlaku sepanjang berada di negara bukan Islam.

Situasi sedemikian dapat dirujuk melalui situasi ayah saudara Rasulullah SAW, al-‘Abbas bin ‘Abd al-Mutallib yang kekal tinggal di Mekah dengan keislamannya. Selain itu, diriwayatkan bahawa Nu‘aym al-Nuhham, ketika hendak berhijrah telah didatangi oleh kaumnya Bani ‘Adi. Mereka berkata *“Teruskan tinggal bersama kami dengan berpegang kepada agamamu. Kami akan melindungimu dari orang-orang yang memerangimu. Kami akan memenuhi keperluanmu sebagai mana kami penuhi keperluan kami”*. Beliau merupakan penjaga kepada anak-anak yatim dan balu-balu Bani ‘Adi. Beliau tidak mengikut beberapa siri penghijrahan, namun akhirnya dia berhijrah juga. Nabi Muhammad SAW berkata kepadanya, *“Sikap kaummu lebih baik kepadamu berbanding sikap kaumku kepadaku. Kaumku mengejarku dan hendak membunuhku. Kaummu memelihara dan melindungimu”*. Kemudian dia berkata, *“Wahai Rasulullah, sesungguhnya kaummu mengusirmu dari menjalankan ketaatan kepada*

*Allah dan berjihad memerangi musuh-Nya. Kaumku menahanku untuk tidak melakukan penghijrahan dan taat kepada Allah” (Ibn Qudamah 1984).*

Bagaimanapun, terdapat pengecualian yang membawa kepada hukum yang berbeza dari hukum sunat umum di atas. al-Nawawi (1996) menambah sekiranya seseorang Islam itu mampu memerangi orang-orang bukan Islam atau mampu berdakwah sehingga Islam berpotensi dapat ditegakkan maka lebih afdal untuk dia terus berada di sana. Malah hukumnya wajib sekiranya dia berhijrah akan menyebabkan kekalahan orang-orang Islam serta tempat tersebut menjadi negara bukan Islam. Ini kerana tanggungjawab menjadikan negara tersebut sebagai negara Islam berada di tangan mereka.

### **5.3 Penghijrahan Harus**

Mazhab Shafie, Hambali dan Maliki menyatakan orang-orang Islam yang sakit, tidak mengetahui selok belok jalan, dipaksa untuk menetap, tidak mempunyai sebarang strategi mengelakkan kemudaratan, dan orang-orang yang lemah seperti orang tua, wanita dan kanak-kanak adalah terkecuali dari tuntutan untuk berhijrah. Sekiranya mereka berhijrah, hukumnya tidak akan menjadi sunat kerana tidak memenuhi syarat berkemampuan (al-Nawawi, 1996; Ibn Qudamah, 1984; al-Zuhayli, 1991). Namun menurut al-Asqalani, mereka tetap diberi ganjaran pahala (al-Asqalani, 2000). Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa’ ayat 98 yang bermaksud: *“Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah)”*.

Dalam konteks yang lebih luas, mana-mana Muslim yang ingin mendapatkan sara hidup yang baik bagi menampung keperluan dirinya serta keluarga, maka dia diharuskan untuk berhijrah. Ini termasuklah juga untuk memenuhi tuntutan-tuntutan lain seperti menuntut ilmu, urusan perubatan dan perniagaan. Bagaimanapun, negara yang dituju tetap tertakluk dengan syarat mempunyai kebebasan untuk mengamalkan kewajipan Islam, tidak bertujuan menambahkan bilangan orang-orang bukan Islam dan membantu mereka memudaratkan Islam (al-Jaza’iri, 1995).

#### **5.4 Penghijrahan Haram**

Secara umumnya, orang-orang Islam diharamkan untuk berhijrah ke negara bukan Islam kerana dikhuatiri terdedah dengan perkara-perkara mungkar dan maksiat sama ada dari segi kemasyarakatan, jual beli dan sebagainya. Selain itu mereka juga dikhuatiri berdepan dengan penindasan dan kezaliman yang boleh menyebabkan mereka terhalang dari melaksanakan kewajipan Islam. Pada masa sama, mereka tidak berkemampuan untuk merubah perkara-perkara tersebut. Oleh itu, pengharaman ini merupakan langkah berjaga-berjaga bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan terhadap orang-orang Islam.

Sekiranya penghijrahan yang dilakukan memberikan masalah yang sedikit sehingga meninggalkan masalah yang lebih besar apabila terus berada di negara bukan Islam, maka wajib untuk terus berada di negara tersebut (Abu Basir, t.th). Umpamanya orang-orang Islam yang hidup aman dan bebas mengamalkan kewajipan Islam di negara bukan Islam, berkemampuan untuk berdakwah dan sekiranya mereka berhijrah akan menyebabkan tempat berkumpulnya orang-orang Islam yang sedia ada terbiar dan Islam menjadi lemah, maka haram bagi mereka untuk berhijrah (al-Nawawi, 1996).

Pertembungan masalah ini dapat dirujuk melalui peristiwa Raja Habsyah iaitu al-Najashi yang ditegah oleh Rasulullah SAW untuk berhijrah ke Madinah. Ini kerana akan menyebabkan kehilangan masalah yang lebih besar. Dengan kuasa yang ada pada al-Najashi selaku pemerintah Habsyah, beliau mampu untuk melindungi sahabat-sahabat Baginda yang berhijrah dari Mekah (Abu Basir, t.th). Dengan ini tempat berkumpulnya orang-orang Islam juga semakin besar. Sedangkan keperluan Madinah terhadap al-Najashi tidak berada dalam situasi terdesak.

Dalam konteks negara Islam pula, orang-orang Islam yang mempunyai kepentingan kerana mempunyai kebolehan dan kepakaran tertentu seperti para ulama dan cendekiawan yang berada dalam negara Islam itu sendiri sekiranya berhijrah akan menyebabkan orang dan agama Islam terbiar, atau menggunakan kepakaran mereka membantu negara bukan Islam memerangi Islam, maka haram bagi mereka untuk berhijrah. Perkara ini jelas berdasarkan larangan umum yang menegah umat Islam dari menjalinkan sebarang hubungan dengan orang bukan Islam yang

akan memudaratkan Islam. Firman Allah SWT dalam Surah *Ali 'Imran* ayat 28 yang bermaksud: *“Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apa pun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu) dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan dirinya (menyeksa kamu) dan kepada Allah jualah tempat kembali”*.

Ini juga termasuklah seseorang yang ingin berhijrah ke negara bukan Islam kerana ingin melibatkan diri atau mengikuti cara hidup yang bertentangan dengan syariat Islam seperti melakukan perniagaan yang haram seperti arak dan sebagainya, menuntut ilmu syirik mahupun khurafat, berlakon filem yang mendedahkan aurat, tidak menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan, lakonan lucu dan sebagainya. Larangan umum ini jelas melalui firman Allah SWT dalam Surah *al-Hashr* ayat 7 yang bermaksud: *“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya)”*.

al-Shawkani (1994) menjelaskan ayat di atas juga membawa maksud yang umum mencakupi segala sesuatu yang datang daripada Rasulullah SAW, sama ada berbentuk perintah mahupun larangan, perkataan mahupun perbuatan. Oleh itu jelas bahawa setiap perkara yang bertentangan dengan syariat Islam wajib di jauhi.

## **5.5 Tuntutan Ikhlas dalam Berhijrah**

Penghijrahan merupakan satu perkara yang termasuk dalam tuntutan syarak. Sesuatu yang dituntut syarak untuk dilakukan adalah termasuk dalam kategori ibadah. Setiap ibadah yang dilakukan wajib dilaksanakan secara ikhlas semata-mata kerana Allah SWT, bukan kerana mengharapkan ganjaran dan balasan keduniaan. Seperti mana tuntutan-tuntutan ibadah lain, kepentingan ikhlas turut ditekankan oleh Rasulullah SAW ketika berhijrah. Sabda Baginda yang

bermaksud: “*Semua perbuatan bergantung kepada niatnya, dan (balasan) bagi tiap-tiap orang adalah bergantung kepada apa yang diniatkan, sesiapa yang berhijrah kerana dunia atau kerana seorang perempuan yang ingin dikahwininya, maka penghijrahannya adalah kepada apa yang dia niatkan*” (*al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-iman, Bab bada’i al-wahy*).

Ibn Rajab (2008) menjelaskan penghijrahan yang dituntut dalam hadis di atas adalah penghijrahan yang dilakukan kerana Allah SWT dan Rasul-Nya. Mereka yang berhijrah kerana dunia dan wanita yang ingin dinikahinya, dia akan memperolehnya, bagaimanapun ia tidak termasuk dalam landasan ibadah. Ia merupakan penghijrahan yang sia-sia kerana terkeluar dari ruang lingkup ibadah dan tidak mendapat ganjaran pahala. Oleh itu, niat memainkan peranan yang penting dalam menentukan sesuatu perbuatan sama ada ia termasuk dalam amalan yang dituntut untuk dilakukan mahupun tidak, diterima atau pun tidak oleh Allah SWT.

## **6.0 KESIMPULAN**

Penghijrahan manusia dari satu tempat ke satu tempat bukanlah satu perkara yang baharu dalam tamadun perkembangan manusia. Sejarah Islam memaparkan penghijrahan manusia telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW melalui peristiwa umat Islam Mekah berhijrah ke Habsyah dan Madinah. Penghijrahan yang dilakukan bukanlah kerana bermotifkan ekonomi seperti yang umumnya berlaku kini. Ia juga bukan kerana mengelakkan diri daripada kezaliman musyrikin semata, akan tetapi demi memartabatkan syiar Islam. Hasilnya Islam telah berkembang sehingga ke pelosok dunia seperti yang ada pada peta dunia kini. Terdapat banyak pengajaran dan hukum-hakam yang diperoleh dari peristiwa tersebut. Penghijrahan manusia tidak terhenti pada zaman Rasulullah SAW sahaja. Ia merupakan satu proses yang berlaku berterusan. Bagaimanapun, keghairahan segolongan manusia untuk berhijrah pada masa kini tidak selari dengan panduan syariat. Oleh itu, perbincangan hukum hakam penghijrahan perlu diketengahkan agar segala perbuatan dan tindakan yang dilakukan seseorang bukan sahaja memenuhi kehendak duniawi malah diselarikan dengan tuntutan ukhrawi. Kajian ini juga mencadangkan agar kajian mengenai penghijrahan manusia dalam pelbagai kasus terus dilakukan kerana ia bukan sahaja merupakan satu fenomena yang berlaku secara berterusan, malah kurang kajian mengenai penghijrahan dari sisi pandang Islam.

**RUJUKAN**

al-Quran

Anon. 2000. *al-Mu'tamad*. Bayrut: Dar al-Sadir.

Abi al-Husayn Ahmad bin Faris Zakariyya. t.th. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Tahqiq 'Abd al-Salam Muhammad Harun. Jil. 6. t.tp: Dar al-Fikr.

Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath. 1990. *Sunan Abu Dawud*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu Basir, 'Abd al-Mun'im Mustafa Halimah. t.th. *al-Hijrah Masa'il wa Ahkam*. t.tp: tpt.

al-Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajr. 2000. *Fath al-Bari*. Jil. 7. Bayrut: Dar al-Fikr.

al-Bughawi, Abi Muhammad al-Husayn bin Mas'ud. 1984. *Sharah al-Sunnah*. Jil. 10. Bayrut: al-Maktab al-Islami.

al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Istanbul: Dar Sahnun.

S.N. Eisenstadt. 1953. Analysis of pattern of immigration and absorption of immigrants. *Journal of Population Studies* 7(2): 167-180.

al-Fayruz Abadi, Majd al-Din bin Ya'qub. 2005. *al-Qamus al-Muhit*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.

Goldschieder, Calvin. 1971. *Population, modernization and social structure*. Boston: Little Brown.

al-Jaza'iri, Abi Bakr Jabir. 1992. *Aysar al-Tafasir li Kalam al-'Aliyyi al-Kabir*. Jil. 1. Jiddah: Racem.

al-Juhari, Abi Nasr Isma'il bin Hammad. t.th. *al-Sahhah Taj al-Lughah wa Sihah al-'Arabiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.

al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif. t.th. *Mu'jam al-Ta'rifat*. Tahqiq. Muhammad Siddiq al-Minshawi. al-Qahirah: Dar al-Fadilah

al-Mubarakfuri, Safi al-Rahman. t.th. *al-Rayhayq al-Makhtum Bahath fi al-Sirah al-Nabawiyyah 'ala Sahibaha Afdal al-Salah wa al-Salam*. al-Riyad: Dar al-Salam.

al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din bin Sharaf. 1991. *Rawdah al-Talibin*. Jil. 10. Bayrut: al-Maktab al-Islami.

al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din bin Sharaf. 1996. *al-Majmu' Sharah al-Muhadhdhab*. Tahqiq. Mahmud Matraji. Jil. 21. Bayrut: Dar al-Fikr.

al-Shawkani, Muhammad 'Ali bin Muhammad. 1994. *Fath al-Qadir*. Tahqiq. 'Abd al-Rahman 'Umayrah. Jil. 4. t.tp: t.pt.

al-Tibi, 'Akasha 'Abd al-Manan. 1994. *Fatawa al-Shaykh al-Albani*. al-Qahirah: Maktabah al-Turath al-Islami. hlm. 18.

Ibn al-'Arabi, Abi Bakr Muhammad bin 'Abd Allah. t.th. *Ahkam al-Qur'an*. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukrim. t.th. *Lisan al-'Arab*. Jil. 5. Bayrut: Dar al-Sadir.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr. t.th. *Zad al-Muhajir*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.

- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abi Muhammad ‘Abd Allah bin Ahmad. 1984. *al-Mughni wa al-Sharah al-Kabir*. Jil. 10. Bayrut: Dar al-Fikr
- Ibn Rajab, Zayn al-Din Abu al-Farj ‘Abd al-Rahman bin Shihab al-Din. 2008. *Jami‘ al-‘Ulum wa al-Hikam*. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Ibnor Azli Ibrahim & Azizah Kassim. 2016. Impak Migrasi Pelarian Filipina Muslim terhadap Survival Politik Muslim Sabah (1963-2013). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 3(2): 130-138.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Ibnor Azli Ibrahim. 2017. Hak dan perlindungan pelarian Muslim Filipina menurut syariah dan undang-undang Malaysia: kajian di negeri Sabah. *Jurnal Hadhari* 9(2): 193-206.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj. 1987. *Sahih Muslim*. al-Qahirah: Dar al-Rayyan lil Turath.
- Weeks, J.R. 1989. *Population: an introduction to concepts and issues*. California: Words Worth Publishing. hlm. 186 & 214.
- Zuhayli, Wahbah. 1991. *al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Shari‘ah wa al-Manhaj*. Jil. 5. Bayrut. Dar al-Fikr al-Ma‘asir.